

PEMBENTUKAN MODUL LATIHAN PEMIKIRAN KREATIF  
UNTUK BAKAL USANAWAN BAGI GRADUAN  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

SUZLINA @ NORHIDAYAT BT ABD RAZAK

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO



3 0000 00070988 5

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : PEMBENTUKAN MODUL LATIHAN PEMIKIRAN KREATIF UNTUK BAKAL USAHAWAN BAGI GRADUAN KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

SESI PENGAJIAN : 2002 / 2003

Saya : SUZLINA @ NORHIDAYAT BINTI ABDUL RAZAK ( 781021-03-5582 )

( HURUF BESAR )

mengaku membenarkan tesis ( PSM/Sarjana/Doktor Falsafah )\* ini disimpan di **Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn** dengan syarat-syarat seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\* Sila tandakan ( √ )


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



Disahkan oleh

( TANDATANGAN PENULIS )

( TANDATANGAN PENYELIA )

Alamat Tetap :

KG TOK JEMBAL

21300 KUALA TERENGGANU

TERENGGANU DARULIMAN

BERHANNUDIN MOHD SALAM

*Pensyarah*

Isat Pengajian Kemanusiaan dan Komunika  
olej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn  
86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Tarikh :

MAC 2003 / MUHARRAM 1424

CATATAN:

\*

Potong yang tidak berkenaan.

\*\*


Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

- Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan
- Penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda ( PSM ).

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya, karya ini adalah memadai dari skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional”.

TANDATANGAN

:



---

NAMA PENYELIA

:

EN. BERHANNUDIN B. MOHD SALEH

BERHANNUDIN MOHD SALL.

*Pensyarah*

Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikas

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Or

86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

TARIKH

:

f. 3. 03

**PEMBENTUKAN MODUL LATIHAN PEMIKIRAN KREATIF UNTUK BAKAL  
USAHAWAN BAGI GRADUAN KEJURUTERAAN KOLEJ UNIVERSITI  
TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

**SUZLINA @ NORHIDAYAT BINTI ABDUL RAZAK**


**Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan**

**Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV)**

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknolgi Tun Hussein Onn**

**MAC 2003**

**“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.**

**Tandatangan** : .....  .....

**Nama Penulis** : SUZLINA @ NORHIDAYAT BT. ABDUL RAZAK

**Tarikh** : 1 Mac 2003

**Buat ibu yang dikasihi dan Papa Yang Disayangi...**

**“Terima Kasih Atas Kasih Sayang dan Pengorbananmu selama ini “**

**Buat Suriati, Suriani dan Norjumaiyah Bt. Abdul Razak**

**“Terima Kasih Atas Keprihatinanmu Sebagai Seorang Kakak dan Adik”**

**Tidak dilupakan “My Future Husband, Abdul Aziz B. Othman Ramli”**

**Terima Kasih atas pengorbananmu.**

**Seluruh ahli keluarga dan rakan taulan...**

**“Terima Kasih Atas Segalanya”**

**SEMOGA KALIAN SENTIASA BERADA DIBAWAH PAYUNG RAHMATNYA  
DAN KEHIDUPAN KALIAN JUGA DIBERKATI.**

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia projek sarjana iaitu En. Berhannudin B. Mohd. Saleh dan bekas penyelia saya iaitu En. Ahmad B. Esa yang tidak jemu-jemu memberikan pendapat, nasihat, bimbingan dan dorongan sepanjang tempoh penyelidikan projek sarjana ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Prof. Madya Haji Ayob B. Johari serta En. Ishak B. Baba selaku penilai dan pembaca kedua atas kerjasama yang telah diberikan. Segala teguran dan komen yang diberikan amat disanjung.

Kerjasama yang diberikan oleh pensyarah-pensyarah iaitu En Ahmad B. Esa, En. Akbal B. Abdullah dan Tuan Haji Sapon B. Ibrahim serta Pegawai Rundingcara Pusat Kaunseling dan Pembangunan Pelajar KUiTTHO, Pn. Noraishah Bt. Daud untuk menilai serta memberikan cadangan meningkatkan kualiti Modul Latihan Pemikiran Kreatif Untuk Bakal Usahawan, amatlah dihargai.

Penghargaan juga ditujukan kepada pihak perpustakaan KUiTHHO dan luar KUiTHHO serta pihak terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan projek sarjana ini. Ribuan terima kasih kepada staf-staf KUiTTHO serta rakan-rakan seperjuangan seperti Dayang Suhaila Abd Rahim dan Wan Norliana Wan Sulung yang sama-sama mendapatkan maklumat untuk tujuan penyelidikan serta saling memahami.



## ABSTRAK

Bidang Keusahawanan dikenalpasti sebagai satu langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan kadar pengangguran di kalangan lepasan institut pengajian tinggi. Namun, salah satu faktor kegagalan usahawan hari ini kerana mereka tidak menepati ciri-ciri yang perlu ada pada seorang usahawan iaitu berfikiran kreatif. Graduan lepasan KUiTTHO dalam bidang kejuruteraan tidak menerima pendedahan ilmu keusahawanan sepanjang tempoh pengajian mereka. Kajian dilakukan untuk mengenalpasti kecenderungan bekas pelajar kejuruteraan dari KUiTTHO yang menyambung pengajian di peringkat sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional semester akhir melalui potensi kreativiti dalam bidang keusahawanan. Borang Soal Selidik, Borang Penilaian Modul dan Modul Latihan Pemikiran Kreatif Untuk Bakal Usahawan digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Modul Latihan Pemikiran Kreatif untuk Bakal Usahawan telah dibina sebagai langkah awal seseorang untuk menguji potensi kreativiti mereka untuk menceburi bidang keusahawanan. Kajian mendapati responden cenderung, mempunyai pengetahuan serta potensi kreativiti yang tinggi dalam bidang keusahawanan.

## ABSTRACT

Entrepreneurship has been identified as one of the factors for reducing unemployment among university and college's graduates. However, the failure of entrepreneurs nowadays is due to the lack of creative thinking. KUiTTHO engineering graduates were not exposed to entrepreneurship knowledge in their learning process. This study has been carried out to identify the perception of KUiTTHO's engineering graduates as regards creativity in entrepreneurship. The instruments for this study were a set of questionnaire, a product evaluation form and Creative-Thinking Module for Future Entrepreneurs. The result of this study shows that the respondents were interested to gain knowledge about entrepreneurship and have high creativity level.

## ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS PROJEK SARJANA	
	PENGESAHAN PENYELIA	i
	HALAMAN JUDUL	ii
	PERAKUAN PELAJAR	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latarbelakang masalah	4
	1.3 Pernyataan masalah	8
	1.4 Persoalan kajian	11

1.5	Objektif kajian	11
1.6	Kepentingan kajian	12
1.7	Skop kajian	13
	1.7.1 Kecenderungan	13
	1.7.2 Pelajar kejuruteraan KUiTTHO sarjana PTV	13
	1.7.3 Potensi kreativiti	13
	1.7.4 Keusahawanan	14
1.8	Definisi istilah dan operasional	14
	1.8.1 Usahawan	14
	1.8.2 Pemikiran kreatif	15
	1.8.3 Modul	16
<b>II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>17</b>
2.1	Pendahuluan	17
2.2	Model Kajian	18
2.3	Konsep dan ciri-ciri keusahawanan	21
2.4	Pendidikan Keusahawanan	23
2.5	Konsep pemikiran kreatif	23
2.6	Kerjaya Sebagai Usahawan	26
2.7	Modul Pengajaran	27
2.8	Kajian Lepas	29
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>33</b>
3.1	Rekabentuk Kajian	33
3.2	Responden dan Sumber Data	36
3.3	Instrumen Kajian	36
3.4	Kajian Rintis	39
3.5	Kaedah Analisis Data	40
3.6	Prosedur Kajian	43

3.7	Batasan Kajian	44
3.7.1	Kumpulan responden yang kecil	44
3.7.2	Kesuntukan masa	45
3.7.3	Sumber kewangan	45
3.7.4	Modul hanya dibuat penilaian	45
<b>IV</b>	<b>REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK</b>	<b>46</b>
4.1	Pengenalan	46
4.2	Objektif modul	47
4.3	Latarbelakang teori penghasilan produk	47
4.4	Rekabentuk produk	49
4.4.1	Bentuk dan ciri produk	49
4.4.2	Kronologi pembinaan produk	50
4.4.3	Permasalahan dalam membina produk	52
4.4.4	Bahan, kos dan masa membina produk	53
4.4.5	Dokumentasi produk	53
4.5	Penilaian produk	54
4.5.1	Pemilihan dan pembinaan instrumen untuk menilai produk	54
4.5.2	Pemilihan subjek kajian yang akan menilai produk	54
4.5.2.1	Latarbelakang Penilai	55
4.5.3	Fokus penilaian	56
4.5.4	Cadangan pembaikan	58

<b>V</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>59</b>
5.1	Pendahuluan	59
5.2	Latar Belakang Responden	61
5.2.1	Jantina Responden	61
5.2.2	Umur Responden	61
5.2.3	Bangsa Responden	62
5.2.4	Kursus di Peringkat Ijazah	62
5.3	Persepsi kecenderungan/kepekaan bekas pelajar kejuruteraan di KUiTTHO dalam bidang keusahawanan.	62
5.4	Pengetahuan responden dalam bidang keusahawanan	67
5.5	Analisis data tentang pengujian potensi kreativiti responden	71
5.6	Modul merupakan kaedah untuk menimbulkan kecenderungan dalam bidang keusahawanan	73
5.7	Analisis data tentang pengujian kecenderungan dalam bidang keusahawanan ketika masa lapang.	76
5.7.1	Bacaan yang digemari	76
5.7.2	Kekerapan membaca bahan bacaan dalam skop keusahawanan	77
5.7.3	Bahagian utama dalam bacaan suratkhbar	78
5.7.4	Bacaan majalah berkaitan perniagaan	78
5.7.5	Mempunyai rakan sebaya terlibat dalam bidang keusahawanan	79
5.7.6	Rakan mengajak turut serta dalam bidang keusahawanan	80
5.7.7	Lakukan aktiviti dalam bidang keusahawanan ketika masa lapang	80
5.8	Analisis penilaian produk	81

<b>VI</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>86</b>
6.1	Pendahuluan	86
6.2	Perbincangan	87
6.2.1	Persepsi kecenderungan responden dalam bidang keusahawanan	87
6.2.2	Pengetahuan responden tentang ilmu keusahawanan.	89
6.2.3	Potensi kreativiti responden	90
6.2.4	Kebolehlaksanaan Modul Latihan Pemikiran Kreatif	91
6.3	Rumusan kajian	92
6.4	Cadangan	93
6.4.1	Aspek keusahawanan	93
6.4.1.1	Penekanan pendidikan keusahawanan di kalangan pelajar kejuruteraan.	94
6.4.1.2	Penyediaan peluang-peluang keusahawanan yang lebih luas kepada pelajar kejuruteraan.	94
6.4.2	Aspek modul.	95
6.4.2.1	Isi kandungan modul	95
6.4.2.2	Jadikan modul pemikiran kreatif dalam bentuk CD interaktif	95
6.4.2.3	Modul pemikiran kreatif untuk bakal usahawan sebagai modul untuk semua golongan.	96
	<b>RUJUKAN</b>	<b>97</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>102-109</b>

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Jadual prosedur kajian	43
5.1	Persepsi kecenderungan/kepekaan bekas pelajar kejuruteraan dalam bidang keusahawanan	65
5.2	Analisis Statistik Deskriptif persepsi kecenderungan/kepekaan pelajar dalam bidang keusahawanan	66
5.3	Jadual kekerapan pengetahuan bekas pelajar kejuruteraan di KUiTHHO dalam bidang keusahawanan	69
5.4	Jadual Statistik Deskriptif pengetahuan responden dalam bidang keusahawanan	70
5.5	Jadual kekerapan pengujian potensi kreativiti dalam bidang keusahawanan	72
5.6	Jadual Statistik deskriptif pengujian potensi kreativiti responden dalam bidang keusahawanan	73
5.7	Jadual kekerapan pengujian terhadap keberkesanan modul	75
5.8	Pengujian potensi kreativiti responden dalam bidang keusahawanan.	75
5.9	Jadual kekerapan bacaan yang digemari.	77



5.10	Kekerapan membaca bahan keusahawanan	77
5.11	Pilihan keutamaan bahagian suratkhobar	78
5.12	Pilihan majalah berkaitan perniagaan	79
5.13	Jadual kekerapan responden mempunyai rakan terlibat dengan keusahawanan	79
5.14	Dorongan kawan menyertai bidang keusahawanan	80
5.15	Jadual kekerapan responden terlibat dengan aktiviti keusahawanan di masa lapan	81

**SENARAI RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.1	Model kajian	19
3.1	Rajah rekabentuk kajian	34
3.2	Kaedah menganalisis data soal selidik	41
3.3	Rajah kaedah menganalisis data dan maklumat borang penilaian produk	42
4.1	Kronologi pembinaan produk	51

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1	Jadual Kurikulum Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan KUiTTHO	102
2	Struktur Kursus Sijil Kejuruteraan Awam Politeknik Kota Kinabalu, Sabah	103
3	Borang Soal Selidik	104
4	Borang Penilaian Modul	105
5	Keputusan alpha Cronbatch Kajian Rintis	106
6	Modul – 5 Self-Learning Materials (Module) : The Concept and Format	107
7	Surat Permohonan Untuk Mendapatkan Maklumat Kajian Akademik.	108
8	Modul Latihan Pemikiran Kreatif Untuk Bakal Usahawan	109

**SENARAI SINGKATAN**

DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS.	-	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JTR	-	Jabatan Tenaga Rakyat
ITM	-	Institut Teknologi Mara
KUiTTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SPSS	-	Perisian Statistical Package For Social Science
ABBM	-	Alat Bahan Bantuan Mengajar
ITTHO	-	Institut Teknologi Tun Hussein Onn

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Dalam usaha kerajaan mempertingkatkan prestasi ekonomi Bumiputera, cabaran yang dihadapi bukan sahaja setakat hendak meningkatkan penyertaan golongan Bumiputera, tetapi juga untuk mendekatkan jurang perbezaan ekonomi antara Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Cabaran-cabaran ini memerlukan Bumiputera lebih bersedia, lebih-lebih lagi dalam keadaan negara ingin mencapai tahap negara industri maju.

Dalam usaha negara ingin mencapai negara perindustrian, pelbagai langkah serta pendekatan telah diambil oleh kerajaan termasuklah menambahkan bilangan usahawan sama ada usahawan Bumiputera mahupun usahawan bukan Bumiputera. Industri kecil memainkan peranan yang penting bagi mengimbangi pertumbuhan sektor perindustrian dan juga mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dahulu bilangan usahawan adalah terlalu sedikit dan majoritinya terdiri daripada kalangan bukan Bumiputera. Menurut Abdullah Ahmad Badawi (1992 dalam Chamhuri Siwar, Mohd. Yusof Kasim

& Abdul Malik Ismail 1992), dua puluh tahun dahulu mungkin usahawan bumiputera dapat dibilang dengan jari. Sekarang bilangan usahawan-usahawan kecil yang serius untuk berniaga sudah meningkat. Disamping itu, kini wujud beberapa individu korporat yang ada diantaranya mampu menerajui sektor-sektor tertentu dalam bidang tersebut.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan, pelbagai kemudahan telah ditawarkan bagi menggalakkan lahirnya lebih ramai usahawan terutamanya usahawan bumiputera. Menurut Shahrudin Haji Haron (1992 dalam Chamhuri Siwar, Mohd. Yusof Kasim & Abdul Malik Ismail 1992), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah memberi dan akan terus memberi bantuan, kemudahan, galakan dan khidmat nasihat dari semasa ke semasa kepada syarikat Bumiputera yang bercadang atau telah berkecimpung dalam bidang ini.

Selain itu, kerajaan juga telah mengambil langkah bijak dengan menambahkan lagi peluang kepada usahawan-usahawan sebagaimana di peringkat antarabangsa. Pihak kerajaan Malaysia telah melibatkan diri secara langsung dan aktif dalam Pacific Era, Kerjasama Selatan-selatan, G-15 dan G-77 dengan matlamat untuk mendapatkan pasaran dan memperkenalkan negara di peringkat tersebut. Dengan itu usahawan Melayu perlulah bersama-sama memikirkan tentang cara-cara untuk mengambil kesempatan yang luas terbuka (Shahidan Kasim 1992, dalam Chamhuri Siwar, Mohd. Yusof Kasim & Abdul Malik Ismail 1992).

Kerajaan berhasrat melahirkan lebih ramai lagi usahawan agar negara mampu untuk bersaing dengan pembangunan yang pesat di peringkat antarabangsa seperti di United Kingdom. Perkembangan industri kecil di United Kingdom meningkat dua kali ganda dalam tahun 80-an dan pertumbuhan yang mendadak sekitar tahun 1990. (David Deakins, 1999). Pertumbuhan yang menggalakkan ini harus dicontohi bagi

mengurangkan kadar pengangguran dikalangan graduan sebagaimana yang telah disarankan oleh kerajaan.

Namun begitu, bagi seorang usahawan, mereka perlu berfikiran kreatif bagi memenuhi ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang usahawan yang membezakannya dengan seorang peniaga. Menurut Barjoyai Bardai, (2000), seorang bakal usahawan merupakan seorang yang sentiasa kreatif mencari idea baru untuk mengeksploitnya menjadi peluang perniagaan. Contohnya, salah satu senario yang berlaku di United Kingdom adalah kebanyakan usahawan yang wujud di sana, mereka mempunyai idea yang baik (invention) tetapi lemah di dalam mengkomersilkan idea (innovation and diffusion) (David Deakins, 1999).

Di samping kerajaan menggalakkan kelahiran seseorang usahawan, penekanan haruslah diberikan kepada kelahiran usahawan yang berfikiran kreatif supaya negara akan terus maju dengan pengeluaran produk dan perkhidmatan yang unik dikalangan usahawan itu sendiri mahupun daripada usahawan luar negara.

Galakan kelahiran usahawan ini haruslah dipupuk dikalangan para siswazah bagi mengelakkan pengangguran yang terus menghantui negara kini. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan amat menggalakkan penglibatan siswazah untuk melibatkan diri dengan dunia keusahawanan melalui pelaksanaan pelbagai program seperti program Pra Skim Usahawan Siswazah (Pra-SUS) bagi memperluaskan pengetahuan dan pendedahan dalam bidang keusahawanan dikalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT). Mereka ini diberi latihan asas yang merangkumi aspek pengurusan syarikat, pengurusan kewangan dan juga pendaftaran syarikat.

Justeru itu, tumpuan haruslah diberikan kepada pendidikan dan pendedahan terhadap bidang keusahawanan, budaya keusahawanan, program-program latihan dan pembangunan usahawan bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai lagi usahawan serta mampu melahirkan usahawan yang berkebolehan serta berdaya saing.

## **1.2 Latarbelakang masalah**

Sebelum DEB dilaksanakan, kebanyakan rakyat Malaysia terutamanya bangsa Melayu melibatkan diri dalam sektor pertanian, nelayan, bekerja sebagai buruh kasar serta bemiaga secara kecil-kecilan. Perkataan “usahawan” belum lagi wujud ataupun difahami. Menurut Barjoyai Bardai (2000), sejak kebelakangan ini usahawan merupakan satu perkataan popular di Malaysia dan perkataan ini selalu disebut serta digunakan bersilih ganti dengan perkataan peniaga.

Perkataan ini menjadi popular apabila kerajaan mula melaksanakan DEB yang salah satu matlamatnya adalah untuk menggalakkan penglibatan Bumiputera dalam bidang perniagaan. Perkataan ini semakin dikenali apabila Malaysia mula menghadapi masalah pengangguran dikalangan siswazah. Dalam hal ini bidang keusahawanan dikenali sebagai satu jawapan kepada masalah pengangguran ini.

Namun terdapat beberapa kelemahan yang berlaku dikalangan usahawan yang disebabkan oleh beberapa faktor. Menurut Wan Liz Ozman Omar (2000), kelemahan usahawan adalah disebabkan oleh sikap negatif, perniagaan “Ali-Baba dan Atas Angin”, rendah kemahiran dalam perniagaan, kurangnya maklumat perniagaan, lemah pengurusan syarikat, masalah kewangan dan pembiayaan dan lemah budaya niaga.